

KLINIK BERGERAK IMARET

Bergerak sebagai bantuan sukarelawan pengamal perubatan ketika banjir besar di Kelantan dan negeri sebelah pantai timur pada 2014, Pasukan Tindak Balas dan Bantuan Persatuan Perubatan Islam Malaysia atau lebih dikenali sebagai IMARET kini sudah melaksanakan lebih 80 misi bantuan perubatan di dalam dan luar negara.

Fokus utama pasukan ini ialah memberi bantuan perubatan dan kesihatan kepada mangsa bencana dan masyarakat yang terpinggir antaranya pelarian dan Orang Asli berikutan akses mereka sangat terhad kepada kemudahan kesihatan asas.

Malah, Oktober tahun lalu, badan bukan kerajaan (NGO) itu tidak melepaskan peluang untuk menjalankan misi peringkat antarabangsa menerusi Kempen Kemanusiaan ke Kem Pelarian di wilayah Cox's Bazar Bangladesh.

Dalam misi terbabit sembilan pasukan sukarelawan IMARET memberi perkhidmatan kesihatan ke lokasi capaian lebih sukar iaitu Thaingkhali yang bersebelahan kem utama Kutupalong dan Balukhali dalam usaha membantu golongan memerlukan.

Ketua Koordinator IMARET, Dr Munawwar Helmi Salim menyifatkan ketika ini klinik bergerak menjadi nadi utama kepada setiap misi kemanusiaan IMARET yang memerlukan pihaknya meningkatkan fasiliti terutama kenderaan

bagi membolehkan mereka sampai ke pelosok pedalaman.

“Di Malaysia, kami menjalankan klinik bergerak setiap dua minggu untuk pelarian Rohingya, meliputi klinik vaksinasi, rawatan pergigian dan berkhatan. Misi bantuan perubatan kepada komuniti Orang Asli khususnya khidmat pemeriksaan kesihatan dan pergigian dilakukan pada setiap bulan.

“Di samping itu, program kesedaran kesihatan juga dilakukan secara serentak setiap kali misi kemanusiaan ini dijalankan.

“Untuk memastikan semua misi dapat berlangsung dengan lancar, kami melihat bukan saja memberi fokus kepada bantuan tenaga dan ubat-ubatan, malah kemudahan utama seperti kenderaan menjadi perkara yang perlu diambil kira.

“Kami bersyukur apabila Yayasan Hasanah menyumbang kenderaan pacuan empat roda pertama kami iaitu Nissan Navara yang diubah suai kepada sebuah klinik bergerak dan boleh melalui jalan denai ke kampung Orang Asli yang terpencil seperti di Gua

Musang Kelantan mahupun Pahang.

“Baru-baru ini Yayasan Rafulin pula menyumbang kenderaan kedua dalam menyokong usaha sukarelawan untuk terus berkhidmat ke lokasi terpencil termasuk membawa segala keperluan perubatan dan sukarelawan ke klinik bergerak kami,” katanya.

Penyerahan kenderaan pacuan empat roda itu disempurnakan Pengerusi Yayasan Rafulin, Datuk Ir Mohamad Razali Othman, Pemegang Amanah Yayasan Rafulin, Datuk Mohamed Raffee K Chekku dan Penasihat IMARET, Datuk Dr Musa Mohd Nordin.

Majlis penyerahan diadakan di Hospital Pakar KPJ Damansara itu juga satu inisiatif pihak KPJ Damansara apabila menyenaraikan IMARET sebagai salah satu NGO penerima manfaat dana bantuan kemanusiaan bawah kempen #loveslapdsh dan #DamansaraCare.

Pihak yang ingin menyokong misi bantuan ini boleh melayari Facebook IMAM Response & Relief Team - IMARET untuk maklumat lanjut.



WAKIL Yayasan Rafulin mendengar taklimat mengenai kenderaan digubah untuk kegunaan klinik bergerak IMARET.

FOTO: IHSAN IMARET



SUKARELAWAN teruja menerima kenderaan baru bagi digunakan untuk klinik bergerak.